

Penderaan semakin hebat diperkatakan.
Di manakah rasa kasih itu?

Anak Satu Anugerah Bukannya Satu Bebanan

Semakin hari kita sering terdengar mahupun membaca di ruang-ruang media mengenai kes penderaan kanak-kanak berlaku di sana sini yang semakin berleluasa sebagaimana yang telah dibuktikan di dalam akhbar dan berita di televisyen.

ANAK-anak merupakan anugerah Allah yang amat berharga kepada setiap pasangan suami isteri. Mereka merupakan penyambung zuriat dan pewaris sesebuah keluarga. Adanya anak justeru bertambahlah rezeki yang Allah berikan kepada setiap pasangan yang telah berkahwin. Mereka juga sebagai penghibur di dalam rumah tangga dengan hilai tawa dan tangisan yang senantiasa memerlukan belaian kasih sayang secukupnya daripada ibu bapa. Namun, apakah daya, anugerah yang dimiliki dibiarkan begitu sahaja, diceritakan sedemikian rupa oleh segelintir manusia yang boleh jigeler sebagai binatang.

Cuba kita fikir sejenak, apakah kesalahan besar yang mampu dilakukan oleh anak kecil berusia tiga tahun? Usah dikatakan kesalahan besar, kesalahan kecil pun kita tidak dapat merungkainya. Apakah salah si anak itu sendiri sampai dianyalai begitu sekali? Apakah dosanya sampai diterajang begitu? Apakah hinanya anak itu sampai diseksa sebegini?

Bulan lepas kita baru sahaja dikejutkan dengan berita yang cukup tergempar apabila penderitaan seorang anak kecil yang cukup comel telah berakhir dengan kematian apabila didera sebegitu sekali oleh teman lelaki ibunya sendiri yang kononnya menganggap anak kandungrya.

Anak yang diberi nama Syafiah Humaira Sahari berusia tiga tahun telah meninggal dunia dalam perjalanan ke Hospital Kuala Kubu Bharu setelah mengalami pendarahan di otak dan pecah pada bahagian abdomen. Syafiah dipercayai telah didera oleh teman lelaki ibunya sendiri di padang bola Taman Batu 30 dekat Batang Kali.

Syafiah anak malang itu dihantar ke wad kecemasan Hospital Kuala Kubu Bharu kira-kira pukul 8.30 malam waktu kejadian oleh

lelaki berkenaan yang mendakwa Syafiah Humairah terabit dalam kemalangan jalan raya.

Namun, pihak hospital yang curiga dengan tingkah laku lelaki itu menghubungi polis kira-kira pukul 11 malam untuk memaklumkan mengenai kemungkinan kematian kanak-kanak itu akibat didera. Ibu Syafiah Humairah Sahari, Siti Norhanim Aziz, 25, kini mula merayu bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) agar dia dan dua lagi anaknya ditempatkan di rumah kebajikan untuk menjalani pemulihan, kaunseling dan perlindungan bagi memulakan hidup baru selepas trauma dengan kejadian menimpa anak perempuannya.

"Saya sudah banyak melakukan kesilapan, kalau boleh saya nak minta bantuan JKJ. Ambillah saya, jagallah saya dan anak-anak saya... saya minta tolong, bantulah saya," katanya sambil menangis ketika ditanya di rumah keluarganya di Kampung Sungai Plong.

Katanya, beliau tidak sanggup lagi hidup menderita kerana



Gambar hiasan

terpaksa berdepan satu demi satu cabaran dalam hidup bermula dengan penahanan suaminya, Sahari Usol, 33, di Penjara Sungai Buloh sejak 2006 kerana kesalahan jenayah sebelum kehilangan anak tersayang.

Menceritakan pengalaman hidupnya, Norhanim berkata, selepas suami dipenjarakan, beliau yang sebelum itu suri rumah sepenuh masa terpaksa bekerja sebagai promoter pusat membeli belah di ibu negara bagi menyara anak-anak dan pada masa sama berdepan pandangan serong masyarakat kerana bersuamikan banduan.

"Saya masih muda suami saya sudah lama ditahan (di penjara) menyebabkan saya hidup menderita. (Kemudian) Teman lelaki (suspek) hadir dalam hidup untuk membantu dan menjaga saya sehingga kami merancang untuk berkahwin tetapi suami tak nak melepaskan saya.

"Pada masa itu saya tidak tahu pada siapa nak mengadu dan meminta tolong, sekarang (kematian anak akibat didera) banyak pihak menyalahkan saya sedangkan ketika menderita tiada siapa yang ambil tahu," katanya sambil menguak serik untuk menerima mana-mana lelaki lagi dalam hidup.

Norhanim berkata, sejak berkenalan dengan suspek, lelaki itu menunjukkan sikap mengambil berat terhadap anak-anaknya termasuk Syafiah Humairah dan sering kali membawanya keluar makan bersama serta membeli pakaian baru untuknya.

"Sebelum ini saya pernah melihat ada kesan luka dan lebam pada badan Syafiah Humairah, tetapi bila saya tanya pada arwah, dia cuma kata terjatuh ketika bermain di luar rumah. Saya tidak menyangka sebenarnya perbuatan itu dilakukan oleh suspek. Siti Nor Hanim, juga ibu kepada dua anak kecil berusia 7 tahun dan setahun enam bulan.

Faktor-faktor penyebab:

Menurut kajian yang dilakukan ada segelintir ibu bapa yang bekerja mungkin menghadapi tekanan di tempat kerja. Masalah dan tekanan di tempat kerja dibawa balik ke rumah dan mereka melepaskan tekanan tersebut kepada anak-anak yang tidak berdosa.

Selain itu faktor lain yang menjadi punca penderaan kanak-kanak adalah kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh sesebuah



keluarga itu. Masalah kewangan yang melanda sesebuah keluarga akan menyebabkan mereka bertindak ganas terhadap anak-anak. Jika anak-anak meminta duit belanja atau keperluan lain, sudah semestinya anak akan menjadi mangsa sepak terajang mereka. Keadaan sebegini amat menyedihkan kerana anak-anak tidak sepatutnya diperlakukan sebegini pada usia mereka yang masih memerlukan kasih sayang dan perlindungan.

Ada juga antara ibu bapa yang mendera anak-anak mereka kerana krisis rumah tangga yang berlaku seperti pergaduhan antara suami isteri dan mungkin disebabkan gangguan pihak luar.

Selain itu, faktor paling utama berlakunya masalah penderaan anak-anak ini ialah kurangnya pendidikan agama di kalangan ibu bapa. Ilmu agama amat penting di dalam rumah tangga kerana ia boleh memberi panduan yang terbaik dalam menguruskan keluarga.

Islam telah menerangkan sikap yang baik yang perlu dicontohi oleh setiap umatnya seperti tahap kesabaran yang tinggi terutamanya dalam melayan kerenah anak-anak. Al-Quran juga telah menjelaskan kepada kita iaitu azab yang pedih bagi sesiapa yang tidak menjaga amanahnya dengan baik seperti juga anak-anak yang merupakan amanah Tuhan kepada kita.

Masalah penderaan kanak-kanak ini perlulah dibendung dan diatasi dengan segera. Antara cara untuk mengatasinya adalah dengan mengadakan kempen "Keluarga Bahagia" bagi menyedarkan ibu bapa tentang tanggungjawab mereka. Semestinya setiap orang mengimpikan keluarga yang bahagia kerana keluarga adalah segala-galanya bagi kita. Tanpa keluarga tercinta hidup pasti tidak bermakna.

Langkah-langkah dalam mengatasinya

Badan-badan NGO mahupun sukarelawan juga perlulah mengadakan kelas-kelas bimbingan bagi memberikan pendidikan keibubapaan kepada setiap pasangan yang akan mendirikan rumah tangga. Pendidikan ini amat penting kepada setiap pasangan bagi menyedarkan mereka akan tanggungjawab yang besar harus dipikul setelah berumah tangga. Mereka akan lebih jelas tentang cara-cara untuk mendidik anak-anak dan kaedah untuk melayan suami atau isteri dengan baik.

Selain itu melapor kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat yang berhampiran dengan tempat tinggal pelapor **Talian telefon Telerda: 1 800 88 3040**, melapor kepada mana-mana balai polis / Pondok Polis yang berhampiran atau menghubungi mana-mana ahli Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak / Pusat Aktiviti Kanak-Kanak yang terdapat di kawasan berlakunya penganayaan.

Kesimpulannya, penderaan kanak-kanak merupakan perbuatan keji yang dilarang keras oleh agama. Hal ini kerana perbuatan sebegini seolah-olah bertujuan untuk menjahanamkan aset penting negara pada masa akan datang dan memusnahkan keturunan kita sendiri. Ingatlah, anak-anak merupakan amanah Tuhan yang sangat suci dan bersih. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita untuk membentuknya menjadi seorang yang baik atau sebaliknya. **Ingatlah Sesal Dahulu Pendapatan Sesal Kemudian Tiada Gunanya.**